

# Kelab In-Smartive

## UMP terus berbakti



**Sungai Petani:** Seramai 35 mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UMP) mengamalkan perbaktian di sini semester dengan berbakti kepada warga emas dan mengadakan sesi motivasi untuk pelajar sekolah di sini, baru-baru ini.

Pengurus program, Muhammad Amin Mohd Fauzi, berkata pengalaman menyentuh hati ketika bermah mesra dengan 250 penghuni Rumah Seri Kenangan (RSK) Bedong membulatkan keinsafan peserta untuk memberi perhatian kepada warga emas yang memerlukan perhatian.

"Mahasiswa berpengalaman menguruskan kebersihan diri dan sanitasi warga emas yang terlanjur di rumah kebajikan itu termasuk mengerat kuku,



**Mahasiswa UMP bersama pelajar SEMUJI menjayakan Projek Semaian Budi di Sungai Petani, Kedah, baru-baru ini.** KH (Yarsiif) Khorius 9/3/11 m/Vg

menggunting rambut, menyuarakan makanan dan memandikkan mereka," katanya.

Pengguna RSK Bedong, Shahrin Nizar Azudin memuji inisiatif Kelab In-Smartive UMP mengajukan program itu kerana ia dapat memupuk keprihatinan mahasiswa untuk mendekati warga emas yang kurang bernasib baik.

Program itu turut men-



dapat sokongan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni serta Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah.

Salain itu, turut dia-dakan program motivasi membabitkan pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Sains Sultan Mohammad Jiwa (SEMUIJ) yang bertujuan membimbing mereka mencapai kecemerlangan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).